



Pengorbanan **pejuang negara** lebih bermakna jika sokongan padu terus diberikan.

## ISU LAHAD DATU

# Hargai pengorbanan perwira negara

P<sup>erjuangan dan pengorbanan</sup> tidak boleh dipisahkan kerana berkait rapat dan saling memerlukan.

Tarikh 12 Februari 2013 bersejarah bagi penduduk Lahad Datu apabila daerah mereka diceroboh oleh pengganas Sulu sehingga mengorbankan ramai anggota keselamatan.

Demi cintakan negara, anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengangkat senjata berjuang mempertahankan kedaulatan.

Bagi mencapai matlamat per-

juangan, mereka melakukan penghijrahan yang penuh pengorbanan dengan meninggalkan keluarga, harta dan tempat tinggal.

### Kenaikan gaji wajar

Kesanggupan mereka berjuang wajar dipuji dan diberi penghargaan. Kenaikan gaji kepada anggota keselamatan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak adalah wajar sekali.

Tidak lupa juga kepada keluarga dan anggota keselamatan yang

terkorban diberikan penghargaan melalui jaminan program kebajikan termasuk pendidikan, perumahan dan pelan insurans kesihatan sebagai membalas pengorbanan wira negara.

Pengorbanan pejuang negara lebih bermakna sekiranya kita terus memberi sokongan padu. Mereka terus mencurahkan khidmat dengan baik dan profesional bagi mempertahankan negara daripada diceroboh.

**Noor Farhana Mat Nawi,**  
Universiti Sains Islam Malaysia